



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [UMK dan AKEPT, anjur Global Leaders Forum and Conference \(GLFC\) 2012](#)

UMK dan AKEPT, anjur Global Leaders Forum and Conference (GLFC) 2012



KOTA BHARU 11 Disember - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) menganjurkan program Global Leaders Forum and Conference (GLFC) 2012 bertemakan "Academic Entrepreneurship at Global Network", bermula pada 11 Disember hingga 12 Disember 2012.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, persidangan ini bukan sahaja dapat meningkatkan lagi ilmu dan pengetahuan dalam bidang kepimpinan dan keusahawanan tetapi berupaya memberi pelbagai input kepada ahli akademik, pelajar dan usahawan.

Beliau berkata, selain itu adalah sebagai platform untuk bertukar-tukar pengalaman dan membangunkan pertumbuhan inovatif dan kepimpinan di peringkat global untuk berkongsi prospek serta cabaran baru tentang hubungan ekonomi dan sosial antarabangsa.

"Bertemakan Academic Entrepreneurship at Global Network, GLFC 2012 menampilkan tiga penceramah yang terdiri daripada pemain industri global yang terkemuka dan mempunyai limpahan idea atau ciptaan yang kreatif dan inovatif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluan sempena program GLFC 2012, yang dihadiri lebih 500 peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTAVS), ahli akademik, usahawan dan sebagainya.



Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Pengerusi Lembaga Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Ahli LPU, YBhg. Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji Mohd Aiseri bin Alias dan YB. Datuk Sr. Hj. Alwi bin Che Ahmad.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, persidangan ini juga memberi peluang untuk ahli akademik dan pelajar untuk berkongsi penemuan penyelidikan dan cadangan penyelidikan untuk diterbitkan dalam jurnal.

Kata beliau, selain itu persidangan ini antara lain bertujuan untuk membolehkan modul pengajaran atau penyelidikan daripada hasil kajian para akademik mampu di terima oleh industri untuk tujuan pengkomersialan dan seterusnya diketengahkan di peringkat global.

"Bagi, menjayakan hasrat itu, hubungan Universiti dan Industri (University-Industry Linkages) harus di perkukuhkan untuk manfaat kedua-dua organisasi (win-win situation)," jelasnya.

Beliau berharap, para peserta terutamanya pelajar mengambil peluang berharga ini untuk belajar dan bertukar-tukar pengalaman atau pandangan dengan penceramah jemputan khas yang terkenal sebagai pemain industri global pada masa kini.

"Saya berharap staf dan pelajar UMK meneruskan hasrat Universiti untuk mewujudkan jenama kita sendiri bagi menghadapi persaingan di peringkat tempatan dan antarabangsa sebagai jenama yang berpotensi menjadikan UMK sebagai 'Institusi Pilihan' pada satu hari nanti.

"Selain itu, kita berharap program GLFC 2012 menjadi platform yang terbaik bagi universiti memperluaskan lagi hubungan dan jalinan antarabangsa," ujarnya.



Bilangan Pelawat :
300082

[Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Soalan Lazim](#)

[Hubungi Kami](#)

[Bantuan](#)

[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster[a]umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 13/12/2012, 03:30:06.